

Mula-mula ikut kawan ke masjid, kini mualaf tabur bakti jadi relawan

BELIAU mungkin seorang mualaf yang baru memeluk Islam kurang setahun.

Namun, Encik Benjamin John Yoong Chun Keat @ Md Farhan Yoong, 23 tahun, sudah mula menabur bakti selaku relawan di Masjid Omar Kampong Melaka di Keng Chow Street dalam pusat bandar, sejurus selepas beliau memeluk Islam.

Anak sulung tiga beradik yang kedua-dua orang tuanya masih beragama Katolik berkata beliau mula 'berjinak-jinak' dengan masjid semasa menjalankan Perkhidmatan Negara (NS) selaku anggota polis dan kerap memandu rakan setugasnya ke masjid walaupun belum menjadi mualaf.

"Saya mula ada ramai kawan Melayu semasa jadi anggota polis dalam NS. Ketua saya pun orang Melayu. Ketika itu, saya kerap ikut mereka. Saya akan pandu mereka ke masjid apabila mereka perlu tunaikan solat Jumaat dan akan duduk jaga kereta sementara menunggu mereka.

"Selepas waktu kerja dalam 6.30 petang dan sebelum kami makan malam bersama, saya akan ikut mereka ke masjid. Apabila mereka sedang solat maghrib, adakalanya saya akan duduk di bahagian belakang masjid. Dari pada situ, secara perlahan-lahan saya menjadi lebih terdedah kepada agama Islam," singkatnya.

Akhirnya, Encik Md Farhan, yang sedang memburu Diploma Pengurusan Pernia-



MAHU TARIK GOLONGAN BELIA: Encik Benjamin John Yoong Chun Keat@Md Farhan Yoong, yang memeluk Islam pada Mac tahun lalu, kerap mengikut rakan polis menunaikan solat di masjid semasa menjalani Perkhidmatan Negara (NS), kini menjadi anggota Lembaga Pentadbir Masjid (LPM) di Masjid Omar Kampong Melaka di Keng Chow Street.

gaan dari SIM Global Education, memutuskan memeluk Islam pada Mac tahun lalu,

sekali gus bermula pembabitannya selaku relawan masjid.

"Ramadan lalu saya lebih mengenali orang masjid apabila saya datang solat tarawih. Mereka kata perlukan bantuan dan ajak saya ikut terlibat dalam kegiatan anjuran-nya. Saya mula membantu dengan pengagihan nasi beriani amal," tambahnya.

Sabtu lalu, Encik Farhan merupakan antara lebih 150 anggota Lembaga Pentadbir Masjid (LPM) bagi Kelompok Masjid Tengah Selatan (CSMC) yang menerima watak di auditorium Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Menyentuh bagaimana beliau bercadang menawarkan khidmatnya kini, Encik Farhan yang menetap di Upper Thomson Road dan berulang-alik ke Masjid Omar Kampong Melaka dengan menaiki motosikal, berkata beliau mahu mengajak lebih ramai golongan belia seperti-nya agar ikut serta.

"Saya kenali beberapa mualaf juga tetapi mereka akan hanya datang ke masjid untuk bersolat. Kemudian, mereka akan beredar. Mereka tidak terlibat dalam sebarang jawatankuasa atau pengurusan masjid. Golongan belia sebegini yang diperlukan pihak masjid.

"Saya mahu cuba melibatkan golongan belia yang seusia saya atau lebih muda untuk membantu masjid. Buat masa ini kita tidak nampak ramai anak muda. Saya mahu mereka rasakan bahawa walaupun mereka muda, ada sesuatu yang boleh mereka tawarkan kepada masyarakat," ujarnya.